

05 MAY 1997

Rahim - Angkasa lepas

CHINA MINAT KERJASAMA DENGAN MALAYSIA MAJUKAN SATELIT

MELAKA, 5 Mei (Bernama) -- China menyatakan minat untuk bekerjasama dengan Malaysia bagi menjalankan penyelidikan DALAM bidang angkasa lepas terutama bagi pembangunan satelit komersil.

Bekas Ketua Menteri Melaka, Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik berkata hasrat itu disampaikan oleh Menteri Angkasa lepas China, Liu Ji Yan kepada beliau yang melawat negara itu bulan lepas.

Rahim berkata kerajaan China juga menawarkan dua tapak, setiap satu seluas kira-kira 1,200 hektar kepada kerajaan dan pelabur Malaysia bagi dimajukan sebagai taman perindustrian teknologi tinggi.

Rahim berkata beliau mengetuai rombongan 15 usahawan Malaysia melawat China dari 20 hingga 26 April lepas atas jemputan sebuah syarikat gergasi negara itu, Minmetals.

Menurutnya, beliau juga turut mengadakan perjumpaan dengan Timbalan Perdana Menteri China, Li Lan Qing bagi menyampaikan perutusan persahabatan daripada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dalam perutusannya, Perdana Menteri berkata hubungan dan persahabatan antara Malaysia dan China akan bertambah mantap dengan adanya galakan oleh kerajaan Malaysia supaya ahli perniagaannya menjalankan aktiviti usahasama di China, kata Rahim.

Rahim berkata Timbalan Perdana Menteri China itu juga memberitahu bahawa negaranya memberi penekanan kepada usaha memperkukuhkan hubungan antara kedua-dua negara terutama dalam bidang perniagaan, perdagangan, pelaburan dan kerjasama ekonomi.

Dalam lawatan itu, perjanjian persefahaman juga ditandatangani dengan Minmetals yang berminat untuk memperluaskan kegiatannya dengan memasuki pasaran Malaysia.

Menurut Rahim, syarikat yang beribu pejabat di Beijing, China itu beroperasi di seluruh dunia dengan mempunyai rangkaian 73 pejabat cawangan di Asia, Afrika, Amerika Utara, Eropah dan Pasifik.

Kegiatan utama syarikat itu ialah dalam bidang kejuruteraan, pembinaan, hartanah, insuran, pelancongan dan perdagangan dengan nilai urusan niaga tahunan sebanyak RM15 ribu juta. -- BERNAMA

MOZ FAZ